



SIARAN MEDIA

POLIS DIRAJA MALAYSIA

IBU PEJABAT POLIS DIRAJA MALAYSIA BUKIT AMAN, 50560 KUALA LUMPUR
TELEFON: 03-22668312 / 22668320 FAKS: 03-22668330
E-MEL: pusatmediapdrm@rmp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

SETIAUSAHA POLIS MALAYSIA

PDRM TEGAS NAFI KENYATAAN PALSU DIKAITKAN

DENGAN PEMANGKU TIMBALAN KETUA POLIS NEGARA

POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM) MENGESAN SATU HANTARAN YANG TULAR DI MEDIA SOSIAL MENERUSI SEBUAH AKAUN FACEBOOK YANG MEMAPARKAN VISUAL SERTA TEKS SEOLAH-OLAH PEMANGKU TIMBALAN KETUA POLIS NEGARA TELAH MENGADAKAN SATU SIDANG MEDIA KHAS DI BUKIT AMAN BERKAITAN PELAKSANAAN SUATU OPERASI OLEH PDRM.

PDRM MENEGASKAN BAHAWA HANTARAN TERSEBUT ADALAH PALSU. PEMANGKU TIMBALAN KETUA POLIS NEGARA TIDAK PERNAH MENGADAKAN SIDANG MEDIA ATAU MENGELUARKAN SEBARANG KENYATAAN SEBAGAIMANA YANG DIGAMBARKAN DAN DINYATAKAN DALAM HANTARAN BERKENAAN.


KANDUNGAN YANG DISEBARKAN TELAH MENGGUNAKAN IMEJ DAN IDENTITI PALSU SERTA KEDUDUKAN PEMANGKU TIMBALAN KETUA POLIS NEGARA BAGI MEWUJUDKAN GAMBARAN SEOLAH-OLAH KENYATAAN TERSEBUT MERUPAKAN PENDIRIAN RASMI PDRM. PERBUATAN SEDEMIKIAN BERPOTENSI MENGELIRUKAN MASYARAKAT, MENCETUSKAN SALAH FAHAM SERTA MENJEJASKAN KREDIBILITI INDIVIDU DAN INSTITUSI PDRM.

SEHUBUNGAN ITU, PDRM TELAH MEMBUAT SATU LAPORAN POLIS BAGI MEMBOLEHKAN SIASATAN MENYELURUH DIJALANKAN UNTUK MENGENAL PASTI PIHAK YANG BERTANGGUNGJAWAB MENGHASILKAN DAN MENYEBARKAN KANDUNGAN BERKENAAN, TERMASUK MENELITI MOTIF SERTA TUJUAN DI SEBALIK PENYEBARANNYA.

PDRM MEMANDANG SERIUS SEBARANG TINDAKAN MENGHASILKAN, MEMANIPULASI ATAU MENYEBARKAN KANDUNGAN PALSU DENGAN MENGGUNAKAN IDENTITI, IMEJ ATAU KEDUDUKAN MANA-MANA PEGAWAI DAN ANGGOTA PASUKAN BAGI MEMBERIKAN GAMBARAN BAHAWA SESUATU KENYATAAN ATAU TINDAKAN TERSEBUT ADALAH RASMI.

ORANG RAMAI DINASIHATKAN SUPAYA TIDAK MUDAH MEMPERCAYAI ATAU MENYEBARKAN SEBARANG MAKLUMAT YANG BELUM DITENTUKAN KESAHIHANNYA SERTA MENDAPATKAN PENGESAHAN MELALUI SALURAN RASMI PDRM DAN SUMBER BERITA YANG SAHIH.

PDRM TURUT MENYERU MASYARAKAT AGAR MENJADI PENGGUNA MEDIA SOSIAL YANG BERTANGGUNGJAWAB DAN TIDAK TERLIBAT DALAM PENYEBARAN KANDUNGAN YANG BOLEH MENIMBULKAN KEKELIRUAN SERTA MENJEJASKAN KETENTERAMAN AWAM.



(DCP DATO' MOHAMAD NOOR BIN YUSOF ALI)
SETIAUSAHA POLIS MALAYSIA
POLIS DIRAJA MALAYSIA

-TAMAT-

(Dikeluarkan pada 9 Ogos 2026 jam 5.05 petang)